

# Segera atasi isu pekerja asing

**SAUDARA PENGARANG.**

**IMPLIKASI** pandemik Covid-19 memberi kesan terhadap persekitaran tenaga kerja dalam sektor tempatan termasuk yang melibatkan pekerja asing.

Kekurangan pekerja asing dalam perkhidmatan sajian, khususnya di restoran mamak di seluruh negara perlu segera diatasi dengan pendekatan sebaiknya.

Seperit didedahkan oleh Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan baru-baru ini, lebih 2,000 restoran mamak terpaksa ditutup sejak 2020.

Dari pada 12,000 ahli Presma yang berdaftar, kini hanya tinggal kira-kira 10,000 anggota dan yang lain menutup operasi sejak dua tahun lalu kerana beberapa faktor, salah satunya kekurangan tenaga kerja.

Pengoperasian premis perniagaan kategori ini akan menjadi lebih kritikal dan ironinya tiada rakyat tempatan mahu mengambil peluang untuk mengisi kekosongan berkenaan dan hal ini tidak boleh dipersalahankan.

Situasi ini dibantu perkembangan sektor lain seperti ekonomi gigi yang lebih fleksibel seterusnya menarik minat terutama golongan muda untuk mencuba sama ada secara kekal atau sementara.

Faktor utama disebabkan kebanyakannya pekerja asing terpaksa pulang kerana tamat tempoh permit kerja selain terkandas di negara asal.

Bagi sektor lain, kos gaji turut membentenggu pihak majikan. Dikhabarkan gaji kini mencecah sehingga RM2,500 seorang yang menyumbang kepada kenaikan kos operasi perniagaan.

Contohnya, pekerja asing Bangladesh meminta kadar upah yang tinggi disebabkan

mereka sedar permintaan terhadap pekerja bidang 3D iaitu sukar, bahaya dan kotor semakin meningkat.

Maka, dasar pengambilan pekerja asing harus direncana secara proaktif berpandukan sistem yang menyolong keperluan berasaskan permintaan setiap sektor dan subsektor serta bagi mempercepatkan proses pemuliharaan perniagaan dan ekonomi.

Selain itu, penghapusan kuota khas pekerja asing dilihat wajar bagi mengatasi 'kemungkinan penyalahgunaan' yang mengakibatkan kemalsukan berlebihan.

Diakui landskap perniagaan pascapandemik yang semakin kompetitif, maka prosedur operasi standard (SOP) harus ditambah baik dari semasa ke semasa mengenai kemasukan pekerja asing dan syarat baharu yang dipersetujui dalam memorandum persefahaman bersama negara sumber.


Perubahan lain bagi meningkatkan kecekapan sistem sedia ada adalah proses secara dalam talian sejawarnya hanya membabitkan satu kementerian atau agensi terutama melibatkan kelulusan permohonan. Pelaksanaan proses kalibrasi amat signifikan bagi mendapatkan gambaran tepat dan bersepudu berkenaan pekerja asing di negara ini.

Langkah ini seterusnya wajah dijadikan mekanisme pembangunan profil pekerja asing di Malaysia merangkumi keseluruhan sektor dan subsektor utama yang berkaitan.

Lantas, pendekatan penyelesaian isu secara proaktif mampu segera mengimbangi jumlah permintaan dan penawaran pekerja asing, meneruskan operasi perniagaan, menjana pendapatan seterusnya merancakkan semua sektor ekonomi negara.

**DR. MUHAMMAD AIMAN ARIFIN**

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Arau



**DILAPORKAN** lebih 2,000 restoran mamak terpaksa tutup operasi perniagaan sejak 2020 kerana kekurangan pekerja. - GAMBAR HIASAN